

05/09/2000

Hanya keberanian hapus keganasan

Fadzlena Jafar

PADA 1999, sebanyak 1457 kes rogol dilaporkan kepada polis di negara ini dan daripada jumlah itu 60 peratus atau kira-kira 874 mangsa mengenali perogolnya.

Apa yang lebih membimbangkan, 70 peratus kes berlaku di tempat yang dianggap selamat seperti di rumah dan sekolah.

Namun, jumlah itu hanyalah kes yang dilaporkan kepada polis. Besar kemungkinan lebih ramai mangsa malu atau takut untuk membuat laporan mengenai kejadian itu.

Menurut Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, ada beberapa alasan kebanyakan mangsa enggan membuat laporan polis termasuk ugutan daripada perogol yang dikenali.

"Kebanyakan mangsa rogol tidak berani tampil ke depan kerana takut memandangkan perogol mungkin orang yang dikenali termasuk bapa, abang atau bapa saudara, seperti yang ada dalam statistik polis.

"Ada juga mangsa diugut akan dcederakan jika memberitahu orang lain, lebih-lebih lagi kebanyakan mangsa masih di bawah umur. Mangsa juga tidak tahu kepada siapa hendak menceritakan masalah.

"Tanggapan masyarakat yang sering memandang serong terhadap mangsa juga menyebabkan tidak ramai yang berani untuk menceritakan apa yang berlaku kerana merasakan merekalah yang bersalah.

"Oleh itu, sempena sambutan Hari Wanita 2000 ini, kita berharap dengan adanya kempen seumpama ini wanita dapat membina kekuatan diri bagi menentang semua jenis keganasan terhadap mereka," katanya pada majlis perasmian Kempen Keganasan Terhadap Wanita, baru-baru ini.

Kempen yang julung kali diadakan itu dianjurkan Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) dengan kerjasama The Body Shop, jenama penjagaan kulit dan kecantikan terkenal bagi menggalakkan orang ramai terutama mangsa tampil membuat laporan supaya tindakan dapat diambil terhadap perogol.

Turut hadir Presiden WAO, Meera Samanther; Presiden Majlis Aids Malaysia, Datuk Paduka Marina Mahathir dan Pengarah Urusan The Body Shop Malaysia, Mina Cheah-Foong.

Selain mengedarkan risalah mengenai kempen itu, The Body Shop juga menjual lencana khas berharga RM5 setiap satu dan juga menyediakan tabung di setiap cawangannya bagi memudahkan orang ramai menderma.

Meera berkata, kempen itu diharap dapat memberi kesedaran kepada wanita bahawa keganasan terhadap wanita adalah satu kesalahan dan ada undang-undang bagi melindungi mereka.

"Kita mahu wanita dan kanak-kanak yang teraniaya menyedari keganasan terhadap mereka adalah kesalahan dan hanya dengan keberanian untuk tampil membuat laporan kepada pihak berkuasa saja dapat menghentikannya.

"Pendedahan mengenai kempen ini diharap dapat membantu wanita memahami keganasan terhadap wanita yang bukan hanya membabitkan perlakuan seksual, tetapi banyak cara lagi," katanya.

Beliau berkata, lima bentuk keganasan terhadap wanita termasuk penderaan membabitkan psikologi dan emosi, fizikal, seksual, sosial dan kewangan.

Selain penderaan seksual, satu lagi bentuk keganasan terhadap wanita iaitu gangguan seks di tempat kerja yang bermaksud sebarang perlakuan seks yang tidak disukai mangsa.

Gangguan seks di tempat kerja pula terbahagi kepada lima jenis iaitu perbuatan merenyeh membabitkan kata-kata, perbuatan, gambaran lucu, psikologi dan juga gangguan fizikal.

Apa yang boleh anda lakukan sekiranya menjadi mangsa gangguan seksual:

1. Maklumkan kepada pengganggu itu sikapnya tidak disenangi dan katakan kepadanya secara baik supaya memberhentikan gangguan berkenaan. Lakukan ini dengan tegas supaya dia mengetahui anda benar-benar serius!
2. Jika anda tidak boleh berdepan dengannya untuk meluahkan rasa tidak senang itu, tulis surat kepadanya. Surat berkenaan mesti mengandungi penjelasan, tarikh dan masa kejadian berkenaan berlaku.
3. Rekodkan turutan kejadian berkenaan: tarikh, masa, lokasi, apa yang berlaku, apa yang diperkatakan, perasaan anda dan nama-nama saksi atau mangsa lain yang pernah diganggu.
4. Jika gangguan berkenaan berterusan, maklumkan kepada seseorang kawan yang dapat membantu anda, umpamanya pegawai perjawatan, kaunselor gangguan seksual atau wakil kesatuan.
5. Pastikan anda mempunyai salinan rekod dan juga sebarang surat yang ditulis mengenai kejadian gangguan itu. Selain itu, dapatkan seorang atau lebih saksi bagi setiap surat dan rekod yang dihantar kepada pengganggu itu.